

**IKLAN  
BAZAR DEEPAVALI  
TAHUN 2022**

*JABATAN PENGURUSAN PASAR DAN PENJAJA  
MAJLIS PERBANDARAN KLANG  
OGOS 2022*



## SYARAT – SYARAT PERMOHONAN TAPAK BAZAR DEEPAVALI 2022

- 1) Pemohon mestilah Warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas.
- 2) Pemohon mestilah mempunyai lesen perniagaan / penjaja / permit perniagaan sementara tahun 2022, 2021 dan 2020 sahaja.
- 3) Semua pemohon wajib untuk menyelesaikan segala kompaun (sekiranya ada) yang dikenakan di bawah undang-undang berikut:
  - a. Akta Jalan, Parit Dan Bangunan (1974)
  - b. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (MPK) 2007
  - c. Undang-Undang Kecil Iklan (MPK) 2007
  - d. Undang-Undang Kecil Penjaja (MPK) 2007
  - e. Undang-Undang Kecil Establisymen Makanan (MPK) 2007
  - f. Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (MPK) 2007
  - g. Undang-Undang Kecil Pusat Sukan (MPK) 2007
  - h. Undang-Undang Kecil Hotel (MPK) 2013
  - i. Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan (MPK) 2013
- 4) Membuat bayaran keseluruhan permit dan kompaun (sekiranya ada) semasa menghantar borang permohonan mengikut kategori permohonan permit yang dibuat.
- 5) Petak di hadapan kedai adalah diperuntukkan kepada pekedai yang memohon sahaja dan maksimum petak yang boleh di mohon adalah 2 petak sahaja.
- 6) Semua permohonan perlu dibuat melalui Sistem Permohonan Permit Perniagaan (SPIS) Majlis Perbandaran Klang dengan melayari laman sesawang rasmi MPKlang atau melayari portal Majlis Perbandaran Klang melalui pautan <https://iportal.mpklang.gov.my/permitonline>.



- 7) Proses undian akan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu :
  - a. Undian bagi petak minuman dan makanan ringan bersebelahan Mydin 7 petak.
  - b. Undian bagi lain-lain petak bukan makanan untuk semua permohonan lain (termasuk bunga api) kecuali petak-petak untuk pekedai dan petak penjaja 3P **(No. Petak 01 - 21)**.
  - c. Undian bagi petak inai **(No. Petak A-J)** di Lorong Mydin.
- 8) Bagi peniaga makanan dan minuman di Jalan Tali Air **(Petak A – K)**, keutamaan diberikan kepada peniaga-peniaga sedia ada, dan sekiranya terdapat permohonan baru, **proses undian akan dijalankan untuk pemohon-pemohon baru sahaja.**
- 9) Proses undian tapak akan dijalankan secara atas talian dan pemohon boleh menonton melalui laman mukabuku Majlis Perbandaran Klang (Facebook) pada **27hb September 2022 (jam 09.30 pagi)**.
- 10) Bagi petak OKU, tapak hanya akan diberikan kepada peniaga sedia ada sahaja.
- 11) Bagi peniaga-peniaga makanan dan minuman, diwajibkan untuk mendapatkan suntikan Ty2 yang masih aktif sepanjang tempoh perniagaan.
- 12) Hanya makanan dan minuman berkonsepkan "take-away" sahaja yang dibenarkan untuk peniaga-peniaga makanan dan minuman ringan.
- 13) Peniaga yang mendapat petak di larang menjual / memindah milik / menyewa / membuat pertukaran petak sesama peniaga tanpa kebenaran Majlis.
- 14) Peniaga perlu menjaga kebersihan kawasan persekitaran.
- 15) Peniaga adalah dilarang sama sekali untuk menjual minuman yang dibancuh (air balang) dan memasak atau memanaskan makanan di tapak.
- 16) Tidak membuat atau mendatangkan halangan lalulintas atau kacauganggu awam.
- 17) Peniaga dan pengunjung adalah digalakkan untuk memakai pelitup muka semasa berada di tapak bazar.



- 18) Bagi penjualan bunga api, peniaga perlu memastikan mendapat petak daripada yang disediakan dahulu kemudian wajib **memohon kelulusan daripada pihak polis**.
- 19) Majlis akan membekalkan bekalan elektrik kepada peniaga untuk 15 hari perniagaan **KECUALI** peniaga di Jalan Tali Air, petak inai dan petak OKU.
- 20) Petak ditawarkan untuk tujuan perniagaan sahaja. Lain-lain aktiviti seperti aktiviti persembahan atau kutipan derma tidak dibenarkan.
- 21) Khemah yang digunakan mestilah berukuran 10 x 10 kaki persegi kecuali peniaga di petak inai dan petak OKU.
- 22) Kadar bayaran yang dikenakan merangkumi:
- a) Kadar Bayaran Yang Dikenakan Bagi petak di Lorong Tingkat dan sekitar adalah (termasuk bunga api): -

BIL.	PERKARA	KOS (RM)
1.	Permit Perayaan Deepavali	RM 424.50
2.	Cagaran Pematuhan Syarat	RM 300.00
<b>JUMLAH YANG PERLU DIBAYAR</b>		<b>RM 724.50</b>

- b) Kadar Bayaran Yang Dikenakan Bagi Petak No. A sehingga K Di Jalan Tali Air adalah:-

BIL.	PERKARA	KOS (RM)
1.	Permit Perayaan Deepavali	RM275.00
2.	Cagaran Pematuhan Syarat	RM 300.00
<b>JUMLAH YANG PERLU DIBAYAR</b>		<b>RM 575.00</b>



c) Kadar bayaran yang dikenakan bagi petak inai (**petak no. A-J**) adalah:

BIL.	PERKARA	KOS (RM)
1.	Permit Perayaan Deepavali	RM 85.00
2.	Cagaran Pematuhan Syarat	RM 15.00
<b>JUMLAH YANG PERLU DIBAYAR</b>		<b>RM 100.00</b>

d) Kadar bayaran yang dikenakan bagi peniaga OKU (**hadapan Pasaraya Mydin**) adalah: -

BIL.	PERKARA	KOS (RM)
1.	Permit Perayaan Deepavali	RM 85.00
2.	Cagaran Pematuhan Syarat	RM 15.00
<b>JUMLAH YANG PERLU DIBAYAR</b>		<b>RM 100.00</b>

- 23) Peniaga tidak dibenarkan membuat apa-apa sambungan menggunakan plastik, kanvas atau lain-lain yang seumpamanya.
- 24) Peniaga adalah dilarang sama sekali untuk mengambil pembantu warga asing atau pemaustatin tetap, hanya pembantu warga tempatan sahaja dibenarkan dan perlu didaftarkan kepada pihak Majlis.
- 25) Sekiranya didapati peniaga mengambil pembantu yang tidak dibenarkan, Majlis berhak untuk membatalkan permit perniagaan peniaga dan menyita barang-barang di lokasi perniagaan.
- 26) Hanya satu ( 1 ) permohonan diterima bagi satu ( 1 ) keluarga di alamat yang sama (isteri / suami / anak yang ditanggung).
- 27) Tuntutan **deposit** pematuhan syarat hanya akan diluluskan kepada peniaga-peniaga yang mematuhi syarat-syarat pengeluaran permit dan dibuat dalam tempoh 1 bulan daripada tarikh perayaan tamat iaitu dari **01/11/2022 hingga 30/11/2022**.



- 28) Sebarang **permohonan selepas dari tempoh tersebut akan ditolak dan deposit tidak akan dipulangkan.**
- 29) Pihak Majlis berhak untuk tidak mengembalikan wang deposit dan **wang tersebut akan dipindahkan ke hasil Majlis.**
- 30) Permohonan pemulangan wang bayaran permit kepada pemohon yang **gagal** mendapat tapak/undi kosong bermula dari **01/11/2022 hingga 30/11/2022.**
- 31) Majlis berhak membatalkan permit sekiranya didapati peniaga gagal menjalankan perniagaan dalam tempoh tiga hari dari tarikh perniagaan yang ditetapkan atau melanggar mana-mana syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan oleh Majlis.
- 32) Setiap permohonan yang dikemukakan akan dikenakan **fi proses sebanyak RM10.00** (Ringgit Malaysia Sepuluh sahaja).
- 33) **Majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemohon mengambil keputusan untuk tidak berniaga setelah permohonan tersebut diproses dan wang bayaran tidak akan dipulangkan semula.**

**(Azhar bin Samsudin)**

b.p. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Klang.

**\*Sebarang pindaan adalah tertakluk kepada keputusan Majlis yang terkini.**



# IKLAN

## TAPAK BAZAR DEEPAVALI 2022

KEPADA WARGA KLANG YANG BERMINAT BOLEHLAH MEMOHON SECARA ATAS TALIAN DI PAUTAN [portal.mpklang.gov.my/permitonline](http://portal.mpklang.gov.my/permitonline)

<b>TARIKH PERMOHONAN</b>	<b>: 15/08/2022 hingga 26/08/2022 (12 hari)</b>
<b>PROSES UNDIAN PETAK</b>	<b>: 27/09/2022 (Selasa) (dilaksanakan atas talian)</b>
<b>TARIKH MULA PERNIAGAAN</b>	<b>: 09/10/2022 – 23/10/2022 (15 hari)</b>
<b>TEMPOH PERMOHONAN PEMULANGAN WANG KEPADA PENGUNDI YANG TIDAK BERJAYA MENDAPAT PETAK</b>	<b>: 01/11/2022 hingga 30/11/2022 (1 bulan)</b>
<b>TEMPOH PERMOHONAN PEMULANGAN WANG CAGARAN PEMATUHAN SYARAT</b>	<b>: 01/11/2022 hingga 30/11/2022 (1 bulan)</b>

### MAKLUMAN :

- SEMUA PERMOHONAN PERLU DIBUAT SECARA ATAS TALIAN MELALUI SISTEM PERMOHONAN PERMIT PERNIAGAAN (SPIS) DENGAN MELAYARI PORTAL MAJLIS PERBANDARAN KLANG ([portal.mpklang.gov.my/permitonline](http://portal.mpklang.gov.my/permitonline))
- PERMOHONAN YANG LEWAT TIDAK AKAN DIPROSES.
- SEMUA PEMOHON YANG MEMOHON **PERMIT PERAYAAN DEEPAVALI MPK 2022** DIWAJIBKAN HADIR DENGAN **MEMBAWA RESIT BAYARAN dan KAD PENGENALAN (I/C)** UNTUK MENGAMBIL PERMIT PERAYAAN TERSEBUT.

(Azhar bin Samsudin)

b.p. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Klang.

**\*Sebarang pindaan adalah tertakluk kepada keputusan Majlis yang terkini.**



# MAKLUMAN CABUTAN UNDI TAPAK BAZAR DEEPAVALI 2022

SEMUA PENIAGA YANG TELAH MEMOHON PERMIT PERAYAAN BAZAR DEPAVALI 2022 DIJEMPUT HADIR UNTUK SESI UNDIAN SECARA ATAS TALIAN PADA KETETAPAN SEPERTI BERIKUT :-

TARIKH	LOKASI
27 SEPTEMBER 2022 (SELASA) JAM 09.30 PAGI	SECARA ATAS TALIAN. PAUTAN AKAN DIMAKLUMKAN MELALUI MEDIA RASMI MAJLIS PERBANDARAN KLANG IAITU MELALUI FACEBOOK DAN LAMAN WEN MAJLIS PERBANDARAN KLANG

(Azhar bin Samsudin)

b.p. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Klang.

**\*Sebarang pindaan adalah tertakluk kepada keputusan Majlis yang terkini.**





# SENARAI DOKUMEN YANG DIPERLUKAN SEMASA MEMBUAT PERMOHONAN TAPAK BAZAR DEEPAVALI 2022

SEMUA PENIAGA YANG BERMINAT UNTUK MEMOHON PERMIT PERAYAAN BAZAR DEEPAVALI 2022 DIMESTIKAN MEMUATNAIK DOKUMEN BERIKUT. PERMOHONAN TUAN / PUAN TIDAK AKAN DILAYAN SEKIRANYA GAGAL MEMUATNAIK DOKUMEN DENGAN JELAS, TERANG DAN BETUL.

BIL	DOKUMEN YANG PERLU DIMUATNAIK SEMASA MEMBUAT PERMOHONAN
1.	SALINAN KAD PENGENALAN (HADAPAN & BELAKANG)
2.	GAMBAR BERUKURAN PASPORT
3.	LESEN / PERMIT PERNIAGAAN TERDAHULU TAHUN 2022 / 2021 / 2020
4.	BIL UTILITI (alamat bermastautin di Klang atas nama pemohon)
5.	MENANDATANGANI AKU JANJI
6.	SIJIL PENGENDALI MAKANAN
7.	SUNTIKAN THYPOID (nama dan tarikh taat suntikan perlu jelas)

Item no. 5 dan 6 hanya diperlukan untuk peniaga yang menjalankan perniagaan MAKANAN dan MINUMAN sahaja.



## **TERIMA KASIH**

Jabatan Pengurusan Pasar dan Penjaja

03 3375 8019

03 3375 8028

[jpsr@mpklang.gov.my](mailto:jpsr@mpklang.gov.my)